

24 JUL 2001

MAHATHIR-MAS

MAS TERPAKSA DIAMBIL ALIH SEGERA UNTUK TIDAK MENJEJASKAN KEDUDUKANNYA

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan terpaksa mengambil alih Malaysia Airline Systems Bhd (MAS) dengan tergesa-gesa kerana kluatir kedudukan syarikat penerbangan itu akan bertambah teruk.

Jika kerajaan tidak bertindak segera, dikhuatiri MAS tidak akan dapat dipulihkan sama sekali, katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan kad pintar Proton World International kepada Iris Technology Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara di Technology Park Malaysia, Bukit Jalil.

Dr Mahathir berkata MAS telah menunjukkan kerugian yang semakin mendadak iaitu daripada RM700-RM800 juta pada 1999 kepada kira-kira RM1.3 bilion pada tahun 2000.

"Kalau kita tak ambil alih dengan cepat, jika kita kira berapa nak bayar... kerosakan MAS makin teruk. Sebab itu tergesa-gesa kita terpaksa ambil alih. Bukan kita suka-suka nak bayar duit banyak-banyak kepada orang", tegasnya.

Ditanya tentang perlunya MAS diaudit setelah pengambilalihan itu, Perdana Menteri berkata kerajaan perlu mengetahui kedudukan sebenar sesebuah syarikat yang diambil alih.

Ditanya sama ada pengurusan di bawah bekas pengerusi Tan Sri Tajudin Ramli telah membuat keputusan-keputusan yang kurang baik dan dikenakan siasatan, Dr Mahathir menegaskan bahawa Tajudin tidak dikenakan siasatan.

"Mungkin mereka (pengurusan) telah membuat keputusan yang kurang baik."

Oleh itu, kata Perdana Menteri, kerajaan perlu melihat keputusan-keputusan yang telah dibuat oleh MAS sebelum ini sama ada ia berhemat dan mengambil langkah-langkah untuk memperbetulkannya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata kerajaan akan mengambil tindakan jika terdapat sebarang bentuk perbuatan jenayah dalam pengendalian menguruskan syarikat penerbangan itu.

"Tetapi jika keputusannya sahaja yang tidak berhemat atau tidak cekap, itu merupakan soal lain," kata Dr Mahathir.

Sementara itu apabila ditanya mengenai masalah United Engineers (M) Bhd/Renong Bhd, beliau berkata kerajaan terpaksa masuk campur dalam hal ini kerana hanya cara itu sahaja kerajaan dapat pulihkan bukan sahaja UEM dan Renong tetapi juga syarikat-syarikat di bawah naungan mereka.

Buat masa ini, katanya, tindakan sedang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Kerajaan baru-baru ini mengumumkan bahawa anak syarikat Khazanah Nasional Bhd iaitu Syarikat Danasaham Sdn Bhd akan membeli semua saham dalam UEM dan UEM akan seterusnya dikeluarkan daripada tersenarai di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Ditanya sama ada Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB) terlibat sama dalam rombongan semula ini, kata beliau MRCB tidak berada di tahap yang membimbangkan. -- BERNAMA

SHO OS